

**SOALAN NO. 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, khususnya Artikel 8(2), untuk memasukkan satu peruntukan bagi orang-orang kurang upaya sebagai satu kelas orang yang tidak boleh di diskriminasi. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk rujukan Artikel 8(1) dan (2) adalah seperti berikut:

“(1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

(2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau

pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apaapa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.”

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan kerana berdasarkan peruntukan tersebut **orang kurang upaya sebagai seorang warganegara juga tidak boleh didiskriminasi** dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profession, kerjaya atau pekerjaan.

Pada masa ini, dibawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [ *Akta 685* ] juga mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengalakkan dan membangunkan kualiti hidup dan kesejahteraan orang kurang upaya iaitu dengan memberi hak ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam;
- (ii) akses kepada kemudahan pengangkutan awam;
- (iii) akses kepada pendidikan;
- (iv) akses kepada pekerjaan;
- (v) akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi;
- (vi) akses kepada kehidupan berbudaya;
- (vii) akses kepada rekreasi, santai dan Sukan

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**[TENOM]**  
**TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 [ISNIN]**  
**SOALAN : 15**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peranan penubuhan Cyber Range Malaysia dan setakat mana negara Malaysia telah mengeluarkan tenaga pakar pertahanan keselamatan siber sebagai sokongan transformasi Malaysia ke arah negara ekonomi digital berpendapatan tinggi.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menangani ancaman jenayah siber yang tidak menentu dan trend peningkatan kes-kes serangan siber, adalah kritikal bagi negara untuk terus melaksanakan usaha-usaha berkaitan keselamatan siber secara lebih konsisten dan efektif, antaranya mengeluarkan tenaga pakar keselamatan siber.

Cyber Range Malaysia merupakan salah satu latihan profesional dalam bidang keselamatan siber yang dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia. Cyber Range Malaysia telah dirasmikan pelancarannya pada 8

September 2016. Cyber Range Malaysia telah dibangunkan melalui kerjasama awam-swasta di antara CyberSecurity Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa (IIUM) dan Cyber Intelligence Sdn. Bhd.. Cyber Range Malaysia melalui platform makmal latihan yang dibangunkan menyediakan latihan simulasi yang berkaitan pertahanan siber. Peranan Cyber Range Malaysia adalah untuk memberi latihan kepada pegawai agensi kerajaan dan swasta dalam meningkatkan pengetahuan dan keupayaan di dalam pertahanan siber melalui simulasi serangan siber dan ujian ketahanan kepada infrastruktur rangkaian organisasi berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan Teras Ke Empat Dasar Keselamatan Siber Negara, iaitu Pembudayaan dan Pembangunan Keupayaan Keselamatan Siber, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya CyberSecurity Malaysia mensasarkan untuk melatih seramai 10,000 pakar keselamatan siber bagi tempoh 5 tahun akan datang. Bagi mencapai sasaran ini, CyberSecurity Malaysia telah menyediakan pelbagai latihan khusus di dalam bidang keselamatan siber dan latihan ini ditawarkan kepada pegawai agensi kerajaan dan swasta. Sehingga kini, seramai 6,256 tenaga pakar keselamatan siber telah dilatih melalui pelbagai latihan anjuran CyberSecurity Malaysia melalui kerjasama dengan Pusat Pengajian Tinggi tempatan dan rakan industri penyedia latihan keselamatan siber.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi merealisasikan hasrat untuk mencapai 10,000 pakar keselamatan siber, CyberSecurity Malaysia juga telah menjalin kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam menganjurkan Kursus Sarjana Keselamatan Siber, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam program Pertahanan Siber diperingkat Pensijilan Pasca Siswazah, Diploma Lulusan Siswazah dan Sarjana. Bagi kursus pensijilan profesional keselamatan siber, CyberSecurity Malaysia telah menjalin kerjasama dengan pelbagai penyedia latihan seperti BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. untuk latihan pensijilan *ISO27001 Lead Auditor* dan DRI Malaysia Sdn. Bhd. untuk latihan pensijilan *Business Continuity Management*.

Sekian, terima kasih.